

Kemahiran dan Penyediaan Bahan Guru Bahasa Arab Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Skills and Preparation of Arabic Language Teacher Against Usage Teaching Aids

Ahmad Shafiq Mat Razali¹, Muhammad Haron Husaini², Mohd Izzuddin Mohd Pisol³,
Diyak Ulahman Mat Saad⁴, Syafiqah Mohd Haron⁵, Dr. Nur Hanani Hussin⁶, Mohd Khamal
Md Daud⁷

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap Kemahiran dan Inisiatif dalam kalangan guru bahasa Arab. Jumlah sampel kajian ini seramai 427 orang responden yang melibatkan guru yang mengajar di Sekolah Menengah di negeri Selangor. Dapatan kajian ini diperolehi menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak tujuh item telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Secara terperinci elemen kemahiran guru terhadap penggunaan BBM (min=4.01, sp.=0.56), elemen penyediaan bahan (min= 3.82, sp.= 0.63). Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan cadangan tindakan yang perlu dilakukan guru bahasa Arab dan institusi yang terlibat dalam melatih guru dalam menambahbaik penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Arab.

Kata kunci: *Kemahiran, penyediaan, bahan bantu mengajar*

ABSTRACT

This paper aims to identify the level of acceptance teaching aids among teachers who teach Arabic language. The total sample consisted of 427 respondents who teach in secondary schools. These findings were obtained using the survey method (survey) that uses a questionnaire as an instrument. A total of 12 items have been analyzed using descriptive statistics. In detail (mean = 3.82 sp. = 0.45) at a moderate level high. The results of this study are expected to provide recommendations to be made from Arabic language teachers and institutions involved in the training of teachers in improving the use of teaching aids in teaching Arabic.

Keywords: *Skills, preparation, teaching aids*

¹ Ahmad Shafiq Mat Razali, Pensyarah Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Anatarbangsa Selangor (KUIS), ahmadshafiq@kuis.edu.my

² Dr Muhammad Haron Husaini, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Anatarbangsa Selangor, muhdharon@kuis.edu.my

³ Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Pensyarah Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Anatarbangsa Selangor (KUIS), mohdizzuddin@kuis.edu.my

⁴ Diyak Ulahman Mat Saad, Pensyarah Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Anatarbangsa Selangor (KUIS), diyakulahman@kuis.edu.my

⁵ Syafiqah Mohd Hairon, Guru Kolej Vokasiaonal Ampangan Negeri Sembilan, shafiqahmh@gmail.com

⁶ Dr. Nur Hanani Hussin, Penolong Pengarah Unit Pendidikan Islam Menengah, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, nurhanani.hussi@gmail.com

⁷ Mohd Khamal Md Daud, Ketua Unit Pendidikan Islam Menengah, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, khamal.mddaoud@moe.gov.my


Pendahuluan

Dalam era teknologi masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada penggunaan buku teks, kaedah pengajaran guru melalui penggunaan kapur tulis dan papan hitam sahaja, malah lebih daripada itu termasuklah penggunaan teknologi yang menyediakan pembelajaran secara interaktif bagi memupuk minat pelajar. Oleh yang demikian, melalui teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dari guru sahaja masih belum dapat menjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan tanpa melalui bahan bantu mengajar. Dalam matapelajaran bahasa arab khususnya, bahan bantu mengajar memainkan peranan penting ke arah memahami konsep di dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat pelajar.

Penyataan Masalah

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Mansor et. al. (2003), mendapati 62.5% daripada pelajar tidak minat mempelajari bahasa Arab. Begitu juga, kajian yang dijalankan oleh Roslida Kadir (2002) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana yang menyebabkan kesukaran memahami pengajaran guru akan menyebabkan pencapaian pelajar merosot. Manakala, Muhammad Awang (1990), mendaati bahawa pelajar di insititusi pengajian tinggi lebih cenderung kepada belajar secara pasif dengan menghafal nota, mengeluarkan semula daripada ingatan apabila menduduki peperiksaan. Oleh yang demikian, amalan pengajaran dan kesediaan guru bahasa Arab memainkan peranan penting agar membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan aktiviti pembelajaran yang baharu. Begitu juga pandangan daripada Rofishah Rashid (2005), masih terdapat guru pendidikan Islam dan bahasa Arab yang tidak memanfaatkan penggunaan ICT dalam PdP melainkan untuk tujuan menulis dan menyediakan kertas peperiksaan pada peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Sekiranya, guru tidak bersedia dari segi amalan pengajaran dan kesediaan dalam penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) akan menyebabkan kelemahan dalam pengajaran bahasa Arab.

3.0 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Kerangka Konseptual Amalan Pengajaran dan Kesediaan Guru Bahasa Arab Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan modifikasi daripada (Khatijah Endut (1997), Rofishah Rashid (2005), Mohd Faez Ilias (2013), Kamarul Azmi & Ab. Halim. (2013). Normazla Ahmad et. al. (2013), Maimun Aqsa Lubis (2013).

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti elemen kemahiran guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar.
2. Menganalisis elemen inisiatif guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 427 orang guru bahasa Arab. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan berdasarkan kepada pembahagian negeri. Bilangan responden bergantung kepada populasi guru bahasa Arab yang terdapat di negeri tersebut. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik dengan menggunakan persampelan rawak mudah.

Dapatan Kajian

Kemahiran Guru Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	INT
DD1	Saya meminta bantuan orang lain untuk mengajar cara membina BBM yang saya tidak tahu.	9 (2.1%)	44 (10.3%)	83 (19.4%)	255 (59.7%)	36 (8.4%)	3.62	0.86	ST
DD2	Saya meminta bantuan orang lain untuk menggunakan BBM.	15 (3.5%)	44 (10.3%)	117 (27.4%)	215 (50.4%)	36 (8.4%)	3.50	0.92	ST
DD3	Dalam usaha membangunkan BBM saya mempunyai jaringan kerjasama yang baik dengan guru sekolah lain.	6 (1.4%)	27 (6.3%)	106 (24.8%)	243 (56.9%)	45 (10.5%)	3.69	0.80	ST
DD4	Saya sentiasa melakukan pencarian/kajian ringkas untuk mendapatkan maklumat berkenaan BBM terkini.	3 (0.7%)	16 (3.7%)	102 (23.9%)	266 (62.3%)	40 (9.4%)	3.76	0.70	ST
DD5	Saya akan membeli BBM yang sesuai sekiranya harga murah dengan menggunakan wang saya tanpa tuntutan semula.	5 (1.2%)	17 (4.0%)	56 (13.1%)	280 (65.6%)	69 (16.2%)	3.92	0.74	ST
Min Keseluruhan Kemahiran							3.70	0.60	ST

Dapatan kajian ini pula menunjukkan bahawa nilai min terendah ialah item DD2 iaitu “Saya meminta bantuan orang lain untuk menggunakan BBM” dengan nilai 3.50 sahaja kerana hanya seramai 368 responden (86.2%) sahaja yang bersetuju. Manakala selebihnya seramai 59 responden (13.8%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi nilai min kedua terendah (3.62) ialah item DD1, seramai 374 responden (87.5%) bersetuju dengan item “Saya meminta bantuan orang lain untuk mengajar cara membina BBM yang saya tidak tahu”. Manakala seramai 53 responden (12.4%) tidak bersetuju dengan item ini. Bagi item DD3 iaitu “Dalam usaha membangunkan BBM saya mempunyai jaringan kerjasama yang baik dengan guru sekolah lain”, seramai 394 responden bersetuju dengan item ini (92.2%). Manakala 33 responden (7.7%) tidak bersetuju.

Bagi bacaan nilai min 3.69. Manakala item DD4 pula mencatatkan 408 responden (95.6%) responden bersetuju dengan item “Saya sentiasa melakukan pencarian/kajian ringkas untuk mendapatkan maklumat berkenaan BBM terkini”. Manakala selebihnya seramai 19 responden (4.4%) tidak bersetuju dengan item ini dan bacaan min ialah 3.76. Bagi item terakhir DD5 iaitu “Saya akan membeli BBM yang sesuai sekiranya harga murah dengan menggunakan wang saya tanpa tuntutan semula” mencatatkan seramai 22 responden tidak bersetuju (5.2%) dengan item ini. Manakala 405 responden bersetuju (94.9%) dengan item ini bagi bacaan min ialah 3.92.

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	INT
DE1	Saya menyediakan BBM mengikut peruntukan dari pihak sekolah.	19 (4.4%)	33 (7.7%)	96 (22.5%)	243 (56.9%)	36 (8.4%)	3.57	0.91	ST
DE2	Saya sanggup berkongsi BBM daripada guru lain.	6 (1.4%)	5 (1.2%)	36 (8.4%)	285 (66.7%)	95 (22.2%)	4.07	0.69	T
Min Keseluruhan Penyediaan bahan							3.82	0.63	ST

Dapatan kajian bagi item seterusnya hanya terdapat dua konstruk sahaja. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah DE2 “Saya sanggup berkongsi BBM daripada guru lain” (4.07). Seramai 416 responden (97.3%) bersetuju dengan item ini manakala seramai 11 responden tidak bersetuju dengan nilai peratusan sebanyak 2.6%. bagi item DE1 “Saya menyediakan BBM mengikut peruntukan dari pihak sekolah” pula menunjukkan bahawa seramai 375 responden (87.8%) bersetuju. Manakala seramai 52 responden (12.1%) pula tidak bersetuju dengan nilai keseluruhan min 3.57.

Perbincangan

a. Kemahiran guru

Dapatan kajian ini pula menunjukkan bahawa nilai min terendah ialah item DD2 iaitu “Saya meminta bantuan orang lain untuk menggunakan BBM” dengan nilai 3.50 sahaja kerana hanya seramai 368 responden (86.2%) sahaja yang bersetuju. Manakala selebihnya seramai 59 responden (13.8%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Menurut Zaidi Ismail (2003), mendapati bahawa majoriti guru bersedia untuk menerima tunjuk ajar berkaitan komputer dan bersedia membelanjakan sumber kewangan bagi mendapatkan pengetahuan dalam penggunaan komputer. Bagi nilai min kedua terendah (3.62) ialah item DD1, seramai 374 responden (87.5%) bersetuju dengan item “Saya meminta bantuan orang lain untuk mengajar cara membina BBM yang saya tidak tahu”. Manakala seramai 53 responden (12.4%) tidak bersetuju dengan item ini. Bagi item DD3 iaitu “Dalam usaha membangunkan BBM saya mempunyai jaringan kerjasama yang baik dengan guru sekolah lain”, seramai 394 responden bersetuju dengan item ini (92.2%). Manakala 33 responden (7.7%) tidak bersetuju.

Bagi bacaan nilai min 3.69. Manakala item DD4 pula mencatatkan 408 responden (95.6%) responden bersetuju dengan item “Saya sentiasa melakukan pencarian/kajian ringkas untuk mendapatkan maklumat berkenaan BBM terkini”. Manakala selebihnya seramai 19 responden (4.4%) tidak bersetuju dengan item ini dan bacaan min ialah 3.76. Bagi item terakhir DD5 iaitu “Saya akan membeli BBM yang sesuai sekiranya harga murah dengan menggunakan wang saya tanpa tuntutan semula” mencatatkan seramai 22 responden tidak bersetuju (5.2%) dengan item ini. Manakala 405 responden bersetuju (94.9%) dengan item ini bagi bacaan min ialah 3.92.

b. Penyediaan Bahan

Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah DE2 “Saya sanggup berkongsi BBM daripada guru lain” (4.07). Seramai 416 responden (97.3%) bersetuju dengan item ini manakala seramai 11 responden tidak bersetuju dengan nilai peratusan sebanyak 2.6%. Bagi item DE1 “Saya menyediakan BBM mengikut peruntukan dari pihak sekolah” pula menunjukkan bahawa seramai 375 responden (87.8%) bersetuju. Manakala seramai 52 responden (12.1%) pula tidak bersetuju dengan nilai keseluruhan min 3.57. Menurut Mohd Faez Ilias (2013),

pihak bahagian pendidikan Islam perlu menyalurkan bantuan dalam usaha melengkapkan sekolah dengan keperluan PdP.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kaedah pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) perlu dipertingkatkan supaya dapat meningkatkan tahap keberkesanan dan menarik perhatian serta minat pelajar dalam pembelajaran bahasa arab. Kepelbagaian kaedah dan konsep dalam pembelajaran lebih cenderung pelajar menjadi lebih fokus terhadap pembelajaran yang diajarkan. Justeru itu, guru-guru bahasa arab perlu lebih kreatif ketika proses PdP dijalankan bagi memantapkan lagi kemahiran dan penguasaan murid terhadap pembelajaran bahasa arab.

Rujukan

- Atan Long. 1992. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Amiza Publishing Sdn Bhd: Petaling Jaya.
- Ahmad, J. (2009). *Teaching of Biological Sciences*. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Rofishah Rashid. 2005. *Penggunaan ICT di Kalangan Guru Bahasa Arab Komunikasi: Kajian di sekolah Menengah dan Rendah di Zon Selatan Selangor*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faez Ilias. 2013 *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Negeri Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2013. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor Bharu.
- Khatijah Endut. 1997. *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah dan Rendah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Attan (2007). *Tahap Kesiapan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran*. *Jurnal Teknologi*. Skudai: UTM.
- Saemah Rahman & Siti Fatimah Mohd Yassin (2008). *Kemahiran Mengakses Dan Mempelajari Bahan Hiperteks Dalam Kalangan Guru Pelatih*. *Jurnal Pendidikan* 33 (2008) 81-94. *Malaysian Journal of Education : Faculty of education, UKM.*
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 2010 53-64.
- Noor Azlan bin Ahmad Zanzali & Nurdalina binti Daud. *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib. 1995. *Persepsi Guru terhadap Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan*. 20: 25-38.
- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa. 2006. *Penggunaan Komputer dalam Pengajaran & Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes di Pulau Pinang dalam Shakila Abdul Manan (et. al, 2006). Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*. Pulau Pinang : USM Press.
- Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2006. *Kesediaan dan Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi di Sebuah*

Sekolah Menengah. Jurnal pendidikan (Journal of Educational Research). Kuala Lumpur : UM
Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2008. Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar dan Hubunganya dengan pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab. Jurnal Teknologi: , 49(E) Dis. 2008: 141–154. UTM.